



Ayat Perintah dalam Novel *Kabus di Perbukitan*

Siti Mahani Angterian, Hasnah Mohammad & Raja Masittah Raja Ariffin
ct_mahani90@yahoo.com, hasnahmohamad@yahoo.com, rajamasittah@upm.edu.my
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Makalah ini adalah berkaitan dengan ayat perintah yang terdapat dalam novel *Kabus di Perbukitan*. Novel *Kabus di Perbukitan* merupakan salah satu novel yang terpilih sebagai komponen sastera bahasa Melayu yang menjadi mata pelajaran wajib bagi pelajar tingkatan lima di beberapa buah negeri termasuk negeri Johor. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis dan kekerapan penggunaan ayat perintah dalam novel *Kabus di Perbukitan*, yang melibatkan keseluruhan halaman dalam novel ini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks. Kajian juga dilakukan dengan menerapkan Teori Transformasi Generatif. Kajian menunjukkan bahawa antara ayat perintah yang kerap digunakan dalam novel tersebut ialah ayat perintah jenis suruhan, larangan dan permintaan. Hasil kajian ini diharapkan dapat meningkatkan pemahaman serta membantu pelajar dalam menguasai tatabahasa terutama tentang penggunaan ayat perintah. Selain itu, kajian ini juga dijangka dapat memberi panduan kepada pelajar untuk menghasilkan penulisan bahasa Melayu yang lebih baik.

Kata kunci: ayat, ayat perintah, novel, *Kabus di Perbukitan*

Abstract

This article is related to the imperative sentences in the novel "*Kabus di Perbukitan*". This novel is one of the novels selected as a component of Malay literature which is compulsory subject for form five students in several states including Johor. The objectives of this study is to identify the type and frequency of imperative sentences in the novel. This study uses textual analysis methods. The theory used is Generative Transformation. This study shows that the imperative sentences are frequently used in the novel are errand, prohibition and demand. The results are expected to improve the understanding and help students' knowledge to master Malay grammar, especially on the use of imperative sentences and to guide students to be better in Malay language writing.

Keywords: sentence, imperative sentence, novel, *Kabus di Perbukitan*

1. Pengenalan

Bahasa Melayu mengandungi berbagai-bagai jenis ayat. Antara ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah Ayat Perintah. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), ayat perintah adalah ayat yang diucapkan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan. Ayat ini bukan sahaja boleh digunakan oleh orang yang mempunyai kuasa seperti seorang ketua malah turut diguna dalam kehidupan seharian masyarakat seperti perbualan atau pertuturan di rumah. Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2008) mentakrifkan ayat perintah sebagai ayat yang digunakan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan. Manakala, Asmah Haji Omar (2009) menjelaskan ayat perintah adalah perintah yang memerlukan gerak balas berupa tindakan. Dengan itu, perintah secara amnya ditujukan kepada orang kedua. Namun, menurut Asmah Haji Omar dalam Nahu Melayu Mutakhir (2009:449) terdapat juga penggunaannya yang melibatkan orang pertama dan ketiga. Oleh itu, perintah boleh dibahagikan kepada dua subsistem iaitu perintah eksklusif dan perintah insklusif. Asmah Haji Omar (2009) juga

pernah menyatakan bahawa ayat perintah ialah ayat yang digunakan untuk meminta atau ayat yang menunjukkan adanya maksud menyuruh seseorang membuat dan melarang daripada melakukan sesuatu. Abdullah Hassan, Seri Lanang Jaya Rohani, Razali Ayob dan Zulkifli Osman (2006) mengatakan bahawa ayat perintah atau dikenali sebagai ayat suruhan merupakan jenis ayat yang digunakan untuk memberi perintah atau arahan.

Ayat perintah bukan sahaja digunakan dalam bahasa lisan malah turut digunakan dalam penulisan novel bagi menghuraikan peristiwa bahasa lisan. Novel adalah sumber utama dalam bidang kesusasteraan yang mempunyai kepentingan yang tersendiri untuk dikaji. Hal ini demikian kerana novel dikatakan sebagai wadah sastera yang dekat dengan masyarakat termasuk pelajar sekolah dan secara tidak langsung telah berjaya menarik perhatian ramai pengkaji sastera serta pengkaji bahasa untuk menganalisis dan mengkajinya.

Walau bagaimanapun, kajian yang sering diberi tumpuan dalam karya sastera adalah dari segi tema, persoalan, pengajaran dan lain-lain. Guru-guru bahasa juga tidak terkecuali kerana mereka juga memberikan penekanan kepada aspek yang sama. Kajian tentang ayat perintah banyak dilakukan oleh pengkaji bahasa, namun kajian ayat perintah dalam novel kurang diberi perhatian dari segi struktur tatabahasanya. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis-jenis ayat perintah dan kekerapan jenis ayat perintah yang digunakan dalam novel *Kabus di Perbukitan*.

2. Kajian Lepas

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyorot beberapa kajian yang pernah dilakukan oleh beberapa pengkaji bahasa. Menurut Nik Safiah Karim et. al. (2008), Arbak Othman (1980) dan Abdullah Hassan et. al. (2006), proses pengguguran frasa nama sebagai subjek boleh berlaku dalam ayat perintah yang melibatkan pengguguran subjek ganti nama diri orang kedua. Walau bagaimanapun, terdapat juga proses pengguguran yang berlaku melalui subjek kata ganti nama orang ketiga.

Abdullah Hassan et. al. (2006), pengguguran juga boleh berlaku melalui pengguguran subjek kata ganti nama orang ketiga dan pengguguran frasa nama. Nik Safiah Karim et al. (2008) juga menyatakan bahawa subjek yang serupa dalam ayat majmuk boleh digugurkan. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa pengguguran frasa nama sebagai subjek terbahagi kepada empat jenis iaitu pengguguran subjek kata ganti nama diri orang kedua dalam ayat perintah, pengguguran subjek kata ganti nama diri orang ketiga, pengguguran frasa nama dan pengguguran subjek frasa nama yang serupa dalam ayat majmuk.

Menurut Abdullah Hassan et al. (2006), ayat perintah merupakan kata ganti nama diri orang kedua seperti *engkau*, *awak*, *kamu* dan sebagainya menjadi unsur pengisi dalam konstituen subjek. Contohnya dalam ayat yang berikut, "*Kamu, berhenti!*", berubah menjadi "*Berhenti*". Dalam contoh ayat perintah yang dinyatakan, subjek kata ganti nama diri orang kedua *kamu* telah digugurkan. Lazimnya, kata ganti nama diri orang kedua *kamu* berada di hadapan ayat perintah dan pengguguran konstituen subjek yang terdiri daripada kata ganti nama diri orang kedua tidak akan menimbulkan kekaburan kepada siapa atau sasaran ayat tersebut ditujukan.

Seterusnya, Abdul Ghalib Yunus (2012) juga menyatakan dari segi sosiolinguistik, lazimnya pelajar berusia sepuluh tahun akan menggunakan bahasa tanpa penggunaan imbuhan. Oleh sebab itu, ayat atau frasa "*Mari tulis*" lebih sesuai penggunaannya berbanding dengan ayat atau frasa "*Mari menulis*". Situasi ini mempunyai kaitan dengan ayat perintah. Hal ini kerana terdapat pembentukan ayat perintah juga melibatkan penggunaan imbuhan iaitu imbuhan *meN-*, *ber-* dan *per-*. Tambahan pula perkataan "*Mari*" itu sendiri merupakan gatra bagi ayat perintah yang termasuk dalam kategori ayat perintah jenis ajakan.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Abdul Ghalib Yunus (2012) telah memperlihatkan bahawa pelajar sering melakukan kesilapan dalam penulisan berkaitan dengan ayat perintah terutama yang melibatkan penggunaan imbuhan. Penjelasan yang diberi membuktikan bahawa pelajar kurang pengetahuan dalam membentuk ayat perintah. Hal ini demikian kerana tumpuan terhadap struktur novel yang sangat dititikberatkan dalam pengajaran bahasa Melayu menyebabkan guru kurang memberikan perhatian terhadap aspek tatabahasa. Oleh itu, secara tidak langsung pelajar sering melakukan kesilapan dalam menghasilkan penulisan mereka termasuk penggunaan ayat perintah.

Sperber dan Wilson (1986) pernah mengkaji tentang ayat perintah. Dalam kajian tersebut, ayat perintah telah dikaitkan dengan konteks ujaran yang mengambil kira kehendak dan perubahannya. Kajian ini menitikberatkan konsep kehendak kerana konsep tersebut mempunyai ciri yang sentiasa berubah dan tidak kekal. Perubahan tersebut berlaku berdasarkan jenis ayat perintah itu sendiri. Berdasarkan beberapa jenis ayat perintah yang dikemukakan oleh

mereka seperti ayat perintah jenis nasihat, ugutan dan meminta kebenaran bergantung kepada kehendak pendengar. Sebaliknya, ayat perintah jenis kes pula tidak mempunyai pendengar, pra-tentuan dan ucap selamat bergantung kepada kehendak penutur.

Kajian ayat perintah yang dilakukan oleh Sperber dan Wilson tidak bertumpu kepada kajian bidang linguistik sahaja. Malah, mereka telah menggabungkan ilmu semantik dan pragmatik serta kehendak pendengar dititikberatkan. Oleh itu, kajian ini dianggap relevan dan baik kerana mereka menyedari akan kepentingan kehendak pendengar untuk melaksanakan atau bertindak balas terhadap sesuatu perintah. Namun, kajian yang dilakukan oleh pengkaji barat tidak pernah dilakukan dalam novel Melayu tentang aspek tatabahasa termasuklah berkaitan dengan ayat perintah.

3. Metodologi

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk bahan bertulis, iaitu novel *Kabus di Perbukitan* karya Mohamad Kholid Hamzah yang diterbitkan pada tahun 2010. Fokus utama kajian ini hanya kepada ayat perintah yang terdapat dalam bahasa Melayu berdasarkan kajian terhadap novel “*Kabus di Perbukitan*”. Novel ini merupakan salah sebuah novel yang terpilih sebagai komponen sastera bahasa Melayu yang wajib dipelajari oleh pelajar tingkatan lima di beberapa buah negeri termasuk negeri Johor. Oleh itu, penggunaan ayat perintah yang betul dan gramatis dari sudut tatabahasa sangat penting untuk dianalisis kerana sikap golongan pendidik yang hanya memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran dari segi tema, persoalan dan nilai murni sahaja.

Analisis data dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif. Analisis secara kuantitatif digunakan untuk menentukan kekerapan penggunaan ayat perintah dalam novel *Kabus di Perbukitan*. Lebih jelas lagi, dalam kajian ini pengkaji menggunakan analisis statistik deskriptif seperti kekerapan dan peratus berdasarkan kekerapan kemunculan ayat perintah yang dapat dilihat dalam novel. Analisis secara kualitatif pula digunakan untuk menganalisis jenis-jenis ayat perintah yang terdapat dalam novel. Ayat perintah ini terdiri daripada dua jenis iaitu ayat perintah eksklusif dan ayat perintah insklusif dan subjenisnya.

Pengkaji juga menerapkan pendekatan TG dalam data. TG memberi tumpuan terhadap aspek sintaksis iaitu ayat. Dasar utama bagi teori ini ialah setiap ayat yang dihasilkan sebenarnya mengandungi dua peringkat iaitu struktur dalaman yang merupakan struktur yang mengandungi ayat dasar atau ayat inti dan struktur permukaan yang terdiri daripada struktur yang telah mengalami perubahan daripada struktur dalamannya. (R.A. Jacobs dan P.S. Rosenbaum: 1970). Struktur permukaan ini juga merupakan bentuk ayat yang dituturkan oleh seseorang penutur.

Mengikut hukum TG struktur dalaman dan permukaan diterbitkan melalui dua rumus tatabahasa iaitu Rumus Struktur Frasa (RSF) dan Rumus Transformasi. RSF digunakan untuk membentuk ayat pada struktur dalaman. Manakala, Rumus Transformasi pula digunakan untuk menerbitkan ayat pada peringkat permukaan. Melalui Rumus Transformasi ini kata-kata yang terdapat dalam sesuatu ayat boleh mengalami proses pengguguran, penambahan, menyusun semula dan mengalami perubahan unsur-unsurnya (Hashim Musa: 1990).

Katz dan Postal (1964:149) formatif perintah atau Imperatif dianggap wujud dalam struktur dasar dan mencetuskan empat jenis transformasi perintah iaitu pengguguran subjek kata nama atau ganti nama orang kedua secara pilihan, penerbitan intonasi perintah yang wujud sebagai unsur supraayat, pengguguran imbuhan menpenanda kata kerja transitif dalam kata kerja dan penerbitan kata perintah seperti sila, tolong, jangan dan lain-lain.

4. Analisis dan Perbincangan

Ayat Suruhan

Binaan ayat suruhan lebih mementingkan predikat atau dengan kata lain kehadiran predikat adalah wajib tetapi unsur-unsur yang lain tidak wajib hadir. Contohnya:

(1) (i) Balik!

Ayat suruhan ini merupakan terbitan daripada ayat di bawah, yang dapat dikenal pasti dalam novel:


(2) (i) “Kamu balik!”. m/s 83

Ayat suruhan ini dapat dijelaskan dalam bentuk rumus di bawah dalam 2 i (a) dan 2 i (b)


a. { [Kamu] Frasa Nama [balik] Frasa Kerja (Frasa Predikat) }
(Struktur Dalam)

b. { [Balik] Frasa Kerja (Frasa Predikat) }
(Struktur Permukaan)

Ayat suruhan di atas ini telah menggugurkan kata ganti nama diri kedua iaitu *kamu* dan meninggalkan predikat *masuk*. Sebagai frasa predikat, intonasi *masuk* diucapkan dengan nada 2 – 3 seperti yang berikut:

c. B a l i k ! 

Ayat perintah seperti di atas dianggap ucapan yang agak keras atau kasar. Oleh sebab itu, bagi melembutkan perintah itu, maka partikel *lah* boleh disertakan. Manakala, dalam bentuk ucapan, intonasi ayat ini ditandai dengan tingkat nada 2 – 3 – 1, seperti yang berikut:

d. B a l i k l a h ! 

Contoh ayat yang menggunakan partikel *lah* dapat dikenal pasti dalam novel seperti yang berikut:

(3) (i) “Kakak baliklah!” m/s 92

Sebagaimana contoh yang telah diberikan hasil daripada analisis novel, dapat dilihat bahawa ayat suruhan juga boleh dibentuk dengan menggunakan partikel *lah* untuk melembutkan ayat.

Ayat Permintaan /Permohonan Permintaan /Permohonan Langsung

Ayat jenis ini terbahagi kepada dua struktur. Namun, hasil daripada analisis yang dilakukan dalam novel, struktur jenis Perm – Predikat – (Objek) – Ajung sahaja yang digunakan oleh penulis. Bagi mengenal pasti jenis ayat ini, gatra permintaan *tolong* telah digunakan.

(5) (i) “Tolong kakak cari jalan pulang”. m/s 50

Aplikasi TG terhadap ayat 5 (i) menerbitkan kata perintah *tolong* dalam bentuk pra ayat dan boleh menggugurkan kata ganti nama orang kedua. Ayat ini membentuk transformasi perintah seperti 5 (i) b.

a. { [Tolong]K. Perintah [kakak] Frasa Nama [cari] Frasa Kerja [jalan pulang] Frasa Predikat }
(Struktur Dalam)

b. { [Tolong]K. Perintah [Δ] Frasa Nama[cari] Frasa Kerja [jalan pulang] Frasa Predikat }
(Struktur Permukaan)

Ayat jenis ini juga tidak terkecuali dalam penggunaan partikel penegas *lah*. Situasi ini adalah sama seperti penjelasan yang telah diberikan tentang ayat perintah jenis suruhan.

(6) (i) “Encik tolonglah tengok-tengokkan apa yang patut”. m/s 15

Permintaan/permohonan langsung juga boleh diwujudkan atau dibentuk menjadi ayat kompleks tak setara. Contoh ayat yang dapat dikenal pasti ialah:

- (7) (i) Ayah minta diri dulu, Ayu. m/s 13
 (ii) Mungkin esok, kita minta bantuan kembali dari kem tentera di
 Kuala Lipis. m/s 19

Dalam novel yang dikaji juga terdapat ayat yang boleh dikategorikan dalam golongan ayat permintaan/permohonan jenis kompleks tak setara. Tetapi, contoh ayat yang terdapat dalam novel tersebut tidak lengkap. Contohnya;

- (8) (i) “Ada beberapa dokumen yang perlu Datuk tandatangani
 segera”. m/s 172

Mengikut syarat ayat kompleks tak setara, subjek perlu diisi dengan ganti nama diri pertama. Predikat pula dimasukkan dengan kata minta atau kata yang membawa makna yang seerti. Objek hendaklah diwakili oleh klausa subordinat dan subjek bagi klausa ini perlu diisi dengan ganti nama diri orang kedua. Ayat 8 (i) boleh membentuk transformasi ayat seperti rumus 8 (i) a

- a. { [Saya] Frasa Nama (Subjek) [ada beberapa dokumen yang perlu] Frasa Predikat [Datuk tandatangani
 segera] Objek }.

Ayat kompleks tak setara menjadi lengkap dengan wujudnya subjek yang terdiri daripada ganti diri orang pertama *saya*. Manakala, kata *perlu* yang digunakan dalam ayat tersebut boleh digunakan untuk menggantikan *minta* atau *pohon* dalam predikat kerana membawa makna yang seerti.

Permintaan /Permohonan Tak Langsung

Ayat tanya merupakan penanda bagi mengenal pasti ayat perintah jenis permintaan atau permohonan. Fokus yang diberikan ialah kata kerja modalitas, *boleh* dan subjeknya terdiri daripada kata ganti nama bagi diri kedua. Ayat tersebut dapat dilihat melalui contoh yang berikut;

- (9) (i) “Boleh ikut saya, Dr Susan ingin bertemu puan,” pinta Azlin”. m/s 32

Dalam ayat (9) (i), penggunaan ayat perintahnya mengandungi sedikit kesilapan. Ayat ini seharusnya diletakkan simbol tanda soal di akhir ayat atau sesudah objek. Ketiadaan simbol ini membuatkan ayat perintah di atas tidak gramatis. Hal ini kerana berdasarkan konteks ayat di atas yang digunakan dalam novel, ayat ini merupakan ayat tanya dan ayat ini seharusnya disusun menjadi ayat seperti di bawah:

- *(i) “Boleh ikut saya? Dr Susan ingin bertemu puan,” pinta Azlin.”

Bagaimanapun, ayat ini masih boleh menjadi sebaris ayat yang gramatis tanpa tanda soal sekiranya perkataan *boleh* tersebut diganti dengan perkataan *sila*. *Sila* lebih sesuai digunakan untuk mempersilakan atau menjemput seseorang.

Seterusnya, berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap novel, kekerapan penggunaan kedua-dua jenis ayat permintaan ini boleh diteliti melalui jadual berikut.

Jadual 1. Kekerapan Penggunaan Gatra Permintaan dalam Novel

Penanda Permintaan	Kekerapan	Peratus (%)
Minta	2	16.67
Mohon	0	0
Tolong	8	66.66
Boleh	1. 2	16.67
Jumlah	2. 12	100



Berdasarkan jadual di atas, dapat menjelaskan kekerapan penggunaan ayat perintah jenis permintaan. Ayat permintaan yang menggunakan gatra *tolong* dilihat merupakan ayat yang paling dominan digunakan dalam novel *Kabus di Perbukitan* iaitu sebanyak lapan kali bersamaan dengan 66.66%. Terbukti di sini, bahawa gatra *mohon* tidak digunakan langsung dalam novel. Gatra *mohon* tidak mencatatkan sebarang rekod kehadirannya dalam novel. Daripada keseluruhan novel yang dikaji, dapat disimpulkan bahawa penggunaan gatra *minta* dan *boleh* juga dalam lingkungan kurang digunakan dalam novel. Masing-masing mencatatkan bilangan kekerapan penggunaannya yang sama banyak iaitu sebanyak dua kali dengan peratus 16.67% .

Ayat Silaan

Selain itu, silaan juga merupakan jenis ayat perintah yang tergolong dalam perintah Eksklusif Positif. Kajian terhadap teks novel *Kabus di Perbukitan* memaparkan beberapa penggunaan ayat ini oleh penulis. Ayat ini juga menerbitkan kata perintah dalam bentuk pra ayat seperti 11(i) a.

- (11) (i) “Silakan duduk”. m/s 46
 a. { [Silakan] K. Perintah [duduk] Frasa Predikat }

Tambahan pula, terdapat ayat silaan dalam novel yang menggunakan kata penegas *lah* dalam pembentukan ayat perintah. Ayat silaan diberi fokus kepada kata silaan itu sendiri. Contoh yang dinyatakan dalam novel ialah seperti berikut dan ayat ini membentuk transformasi kata perintah dalam pra ayat dan boleh menggugurkan kata nama.

- (12) (i) “Silalah, kita bertolak dengan land rover polis sahaja”. m/s 19

- a. {[Silalah] K. Perintah [kita] Frasa Nama [bertolak] Frasa Kerja [dengan land rover polis sahaja] Frasa Predikat}

(Struktur Dalam)

- b. {[Silalah] K. Perintah [Δ] Frasa Nama [bertolak] Frasa Kerja [dengan land rover polis sahaja] Frasa Predikat.

Hasil analisis juga menunjukkan bahawa terdapat juga ayat yang dapat diletakkan di bawah golongan ayat silaan. Contohnya;

- (13) (i) “Ayuh, masuk ke dalam untuk sarapan”. m/s 171
(ii) “Kalau ya pun minumlah dahulu,” pelawa Ustaz Hassan Syukri. m/s 196

Kedua-dua ayat ini dikenal pasti tidak menggunakan gatra silaan seperti yang terdapat dalam peraturan ayat perintah bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, jika diteliti dari segi konteksnya, penggunaan ayat ini membawa unsur atau makna silaan.

Jadual dibawah ini akan menerangkan tentang kekerapan penggunaan ayat perintah jenis silaan yang terdapat dalam novel:

Jadual 2. Kekerapan Penggunaan Gatra Silaan dalam Novel

Penanda Silaan	Kekerapan	Peratus (%)
Sila	3	43
Silakan	4	57
Jemput	0	0
Jumlah	7	100



Jadual 2, memaparkan bahawa penggunaan ayat perintah yang menggunakan gatra *sila* dan *silakan* yang penggunaannya hanya mempunyai sedikit sahaja perbezaan. Gatra *silakan* mencatatkan peratusan sebanyak 57% dengan kekerapan yang direkodkan sebanyak empat kali. Manakala, gatra *sila* mencatatkan kekerapan kehadirannya dengan sebanyak tiga kali iaitu 43% yang telah digunakan dalam novel secara keseluruhannya. Sebaliknya, gatra *jemput* tidak digunakan langsung oleh penulis dalam novel ini.

Ayat Larangan

Ayat perintah kategori ini menggunakan struktur **Lar – (Subjek) – Predikat – (Objek) – (Ajung)**. Bagi mengenal pasti ayat ini, gatra Lar diisi oleh penanda seperti *jangan*, *usah*, *tidak usah*, atau *tak usah*. Contohnya seperti ayat dibawah;

- (14) (i) “Jangan sibuk nak makan sahaja”. m/s 8
(ii) “Jangan panggil mak cik, panggil sahaja Amah Siti”. m/s 44

Dalam novel ini juga telah dikenal pasti jenis ayat perintah larangan yang dibentuk menggunakan penegas *lah*.

- (15) (i) “Mak jangan*lah* menangis, berilah Ayu kekuatan”. m/s 111

Penerapan TG perintah ke atas ayat bukan transitif tidak menggugurkan imbuhan kata kerjanya seperti dalam ayat 15 (i) a.

- a. {[Mak] Frasa Nama [selalu menangis] Frasa Predikat}
(Struktur Dalam)
- b. {[Mak] Frasa Nama [jangan*lah*] K. Perintah [menangis] Frasa Predikat}
(Struktur Permukaan)

Penegas ini digunakan bertujuan untuk memberi penekanan kepada perintah larangan yang diucapkan oleh penutur kepada pendengar. Ayat tersebut boleh dilihat melalui contoh yang diberikan di atas. Ayat-ayat (14) dan (15) ini juga dikategorikan sebagai ayat perintah larangan yang bersifat larangan peribadian. Ayat yang menggunakan penanda *jangan* merupakan ayat larangan peribadian yang dikategorikan sebagai kasar. Manakala, ayat larangan peribadian yang menggunakan penanda *tak usah* dan *usah* dikategorikan sebagai ayat yang halus. Terdapat juga ayat larangan tak peribadian. Namun, ayat jenis ini tidak terdapat dalam novel.

Namun begitu, terdapat juga ayat yang dikenal pasti dalam novel yang juga boleh dikategorikan sebagai ayat larangan. Walaupun ayat tersebut tidak menggunakan penanda larangan yang terdapat dalam bahasa Melayu tetapi jika dilihat daripada konteks penggunaannya, ayat ini boleh diletak di bawah golongan ayat larangan. Ayat ini dapat dilihat melalui contoh di bawah;

- (16) (i) Kalau boleh, tak mahu makan ubat dengan perut kosong. m/s 39
(ii) “Tak boleh tengok cikgu lagi, nanti doktor marah”. m/s 88


Ayat 16 (i), dianggap sebagai ayat yang tidak gramatis dari segi tatabahasanya. Penggunaan perkataan *tak mahu* ini dalam konteks ayat tersebut menunjukkan bahawa ayat ini tergolong dalam ayat larangan tetapi digunakan gatra yang tidak bersesuaian. Pembentukan ayat ini boleh ditukar dengan gatra *jangan* seperti dalam ayat 17 (i). Manakala, ayat 16 (ii) pula boleh dikategorikan sebagai ayat larangan kerana penggunaan perkataan *tak boleh* membawa makna yang seerti dengan gatra *jangan*.

- (17) (i) Kalau boleh, jangan makan ubat dengan perut kosong.

Kekerapan kehadiran ayat perintah yang menggunakan penanda atau gatra larangan ini dapat dijelaskan melalui jadual di bawah:

Jadual 3. Kekerapan Penggunaan Gatra Larangan dalam Novel

Penanda Larangan	Kekerapan	Peratus (%)
Jangan	36	85.71
Usah	6	14.29
Tak Usah atau Tidak Usah	0	0
Dilarang	0	0
Jumlah	3. 42	4. 100



Jika dilihat melalui Jadual 3 ini, dapat disimpulkan bahawa penggunaan penanda *jangnan* lebih kerap atau paling banyak digunakan dalam novel. Keadaan ini terbukti apabila penanda *jangnan* mencatatkan kekerapan kehadirannya sebanyak 36 kali iaitu 85.71 peratus. Kekerapan ini menunjukkan perbezaan yang sangat ketara kerana penanda *usah* pula hanya mencatatkan bilangannya sebanyak enam kali bersamaan 14.29 peratus iaitu berbeza sebanyak 30 kali. Manakala, penanda *tak usah* atau *tidak usah* dan *dilarang* tidak digunakan langsung dalam novel.

Ajakan

Analisis menunjukkan bahawa terdapat beberapa jenis ayat perintah jenis ajakan. Terdapat beberapa jenis ayat ini dapat dikenal pasti penggunaannya dalam novel. Ayat tersebut bertepatan dengan struktur pembentukannya dalam bahasa Melayu iaitu menggunakan gatra ajakan diisi oleh kata ajakan *mari* dan kata ganti nama diri *kita* sebagai subjek. Antara contoh yang dikenal pasti ialah;

- (18) (i) “Mari kita ke tingkat enam, tengok cikgu,” ajak Ghazali. m/s87
(ii) “Mari kita ke beranda, panas di dalam rumah,” ajak Melina. m/s185

Ayat 18 (i) menunjukkan ayat perintah jenis ajakan yang diperoleh dalam novel yang tidak mengalami proses pengguguran kata ganti nama orang kedua. Tetapi ayat ini juga boleh mengalami transformasi pengguguran kata ganti nama orang kedua iaitu *kita* menjadi ayat perintah ajakan berbentuk “*Mari ke tingkat enam*” (Struktur Permukaan)

Harapan

Hasil analisis mendapati bahawa jenis ayat ini tidak digunakan dalam novel. Namun terdapat ayat yang boleh dikategorikan sebagai ayat harapan walaupun pembentukannya tidak diletakkan gatra harapan. Misalnya;

- (20) (i) Harap-harap adalah berita baik yang dapat kita sampaikan kepada ibunya nanti. m/s16

Walaupun ayat ini tidak menggunakan gatra harapan seperti *moga-moga*, *semoga* tetapi berdasarkan konteks ayat yang terdapat dalam novel menunjukkan bahawa terdapat unsur harapan yang diketengahkan. *Harap-harap* menjadi pengganti kepada gatra harapan dan ayat ini menepati syarat struktur ayat harapan iaitu **Har – Predikat – (Objek) – (Ajung)**.

- a. {[Moga-moga] K. Perintah [adalah berita baik yang dapat kita sampaikan kepada ibunya nanti] Frasa Predikat}
(Struktur Dalaman)
- b. { Harap-harap] K. Perintah [adalah berita baik yang dapat kita sampaikan kepada ibunya nanti] Frasa Predikat}
(Struktur Permukaan)

Secara keseluruhan, terdapat tujuh jenis ayat perintah dalam bahasa Melayu. Empat daripada tujuh jenis ayat ini tergolong dalam ayat perintah eksklusif, manakala tiga jenis lagi tergolong dibawah jenis inklusif. Jika dilihat secara keseluruhannya, ayat perintah jenis eksklusif lebih banyak penggunaannya berbanding ayat perintah jenis inklusif. Kebanyakan ayat perintah yang kerap digunakan oleh penulis dalam novel *Kabus di Perbukitan* ialah ayat suruhan. Hal ini demikian kerana ayat perintah jenis suruhan lebih bersifat tidak formal. Situasi ini sejajar dengan definisi ayat suruhan itu sendiri yang telah dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et. al. (2008:448-449). Dalam bukunya Tatabahasa Dewan, beliau menerangkan bahawa penggunaan ayat suruhan adalah bertujuan untuk memberi arahan atau memerintahkan seseorang melakukan sesuatu. Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan juga membuktikan bahawa ayat suruhan ini lebih banyak digunakan untuk tujuan-tujuan yang berbentuk formal.

Seterusnya, diikuti oleh jenis ayat larangan. Ayat perintah jenis larangan yang menggunakan gatra *jangan* lebih banyak digunakan berbanding gatra lain. Bagi penggunaan gatra *usah* dalam novel, penulis banyak menggunakannya untuk situasi memujuk individu lain kerana bahasanya yang halus. Menurut Asmah Haji Omar (2009:182), penggunaan gatra *jangan* memberi kesan adanya individu yang bercakap kepada individu yang lain sama ada dalam bahasa lisan mahupun bahasa tulisan. Oleh sebab itu beliau menjelaskan penggunaan *jangan* ini membawa suasana yang dianggap kurang halus jika dibandingkan dengan *tak usah*, *tidak usah* dan *usah*.

Bagi Ayat Permintaan atau Permohonan Tak Langsung adalah ayat yang paling halus antara semua jenis permintaan yang terdapat dalam ayat perintah bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana ayat ini memperlihatkan penggunaan bahasa yang sopan selari dengan pendapat Asmah Haji Omar (2008:453) yang menyatakan bahawa dari segi penggunaan, permintaan atau permohonan jenis ini bukan sahaja dikatakan halus malah dikatakan juga sebagai ayat yang berbentuk formal. Manakala, ayat perintah yang paling kurang digunakan ialah ayat silaan yang juga tergolong dalam ayat perintah eksklusif. Namun, ayat perintah jenis inklusif kurang digunakan dan terdapat dua jenis ayat perintah tidak ditemui langsung dalam novel iaitu ayat perintah harapan dan ajakan. Jika mengikut struktur pembentukan ayat harapan bahasa Melayu seperti yang terdapat dalam buku Nahu Melayu Mutakhir (Asmah Haji Omar: 2009) . Ayat harapan terbentuk melalui struktur **Har – (Subjek) – Predikat – (Objek) – (Ajung)** tetapi dengan syarat bahawa gatra harapan (Har) perlu diisi oleh salah satu kata harapan seperti *moga-moga*, *semoga*. Hasil kajian memaparkan penggunaan ayat harapan, namun terdapat penggunaan gatra lain seperti *harap* iaitu gatra ayat harapan yang tidak tergolong dalam struktur ayat harapan. Hal ini demikian kerana penggunaan gatra harapan yang digunakan oleh penulis lebih bersesuaian dengan konteks ayat yang digunakan.

Pengkaji mencadangkan agar kajian berkaitan dengan tatabahasa Melayu terutama ayat perintah bukan sahaja dilakukan terhadap novel edisi pelajar yang bertajuk *Kabus di Perbukitan* sahaja, malah terhadap novel-novel lain. Kajian ini perlu diteruskan lagi dengan menerapkan teori lain dan dilihat melalui perspektif yang lebih pelbagai agar kajian tentang tatabahasa tidak berhenti setakat di sini. Hal ini kerana kajian tentang tatabahasa sangat penting bagi mendidik pelajar dan masyarakat Malaysia untuk menggunakan bahasa Melayu dengan betul terutama dalam penulisan. Menurut Zaliza Mohamad Nasir, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normahdiah Sheikh Said dan Norizan Che Su (2013:84-90), untuk menguasai sesuatu bahasa dengan berkesan, penguasaan aspek tatabahasa merupakan asas

yang utama. Tatabahasa merupakan asas utama bagi menghasilkan penulisan yang baik dan penggunaan kata yang betul dan gramatis. Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar dan Nor Hashimah Jalaluddin(2010:83-95). Bagi menghasilkan penulisan yang efektif, penguasaan sistem bahasa sangatlah dipentingkan kerana bahasa tulisan perlu lebih teratur daripada bahasa lisan. Jadi, para guru bukan sahaja boleh memberi panduan kepada pelajarannya berkaitan komponen sastera sahaja, malah secara tidak langsung dapat memberi panduan dari segi asas tatabahasa seperti penggunaan ayat perintah yang betul.

5. Kesimpulan

Hasil kajian telah membuktikan bahawa ayat perintah terdiri daripada tujuh jenis sejajar dengan dapatan kajian pengkaji bahasa lain yang lebih terkini. Secara ringkasnya, hasil kajian yang diperoleh daripada penemuan jenis-jenis ayat perintah dalam novel *Kabus di Perbukitan* adalah selari dengan data-data yang diperoleh daripada pengkaji bahasa terdahulu, seterusnya menambah maklumat sedia ada. Walaupun tidak semua jenis ayat perintah digunakan dalam novel seperti ayat perintah jenis penyerahan dan harapan tetapi kewujudan ayat perintah tersebut tidak dinafikan. Hal ini demikian kerana pembentukan ayat perintah tersebut telah dikenal pasti rumusnya atau strukturnya yang tertentu dalam bahasa Melayu. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa setiap jenis ayat perintah yang digunakan tidak menyatakan subjek ayat. Hal ini demikian kerana subjeknya nyata dan merujuk kepada sasaran sesuatu ayat perintah itu ditujukan.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik Am*. Kuala Lumpur: PTS Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan, Seri Lanang Jaya Rohani, Razali Ayob dan Zulkifli Osman. (2006). *Sintaksis. Proses Menerbitkan Ayat*. Kuala Lumpur: PTS Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2008). *Pedagogi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2011). Ayat: Analisis Makna dan Kebenaran. *Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Jabatan Bahasa Melayu (FBMK) UPM: Penerbit UPM.
- Arbak Othman. (1989). *Nahu Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini. Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1983). Aspek-Aspek Tatabahasa Dalam Pertuturan Dan penulisan Bahasa Melayu Baku. *Jurnal Pembinaan dan Pembangunan Bahasa*. Jil. 29, Bil. 11: 830-838.
- Hashim Musa. (1990). *Sintaksis Bahasa Melayu. Suatu Huraian Berdasarkan Rumus Struktur Frasa*. Kuala Lumpur: Nusantara.
- Hashim Musa. (1989). Penghuraian Perkataan dalam Bahasa Melayu dari Sudut Tatabahasa Transformasi-Generatif. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 33, Bil. 4: 208-281.
- Liaw Yock Fang, Abdullah Hassan. (1994). *Nahu Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Fajar bakti Sdn. Bhd.
- Mengantar Simanjuntak. (1986). Apakah dan Mengapakah Teori Linguistik Transformasi-Generatif Saya Anuti dan Terapkan?. *Jurnal Pembinaan dan Pembangunan Bahasa*. Jil. 30, Bil. 4:236-247.
- Mohamad Kholid Hamzah. (2010). *Kabus di Perbukitan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2010). Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah: Analisis Pengungkapan Idea dalam Penulisan Karangan. *Jurnal Linguistik*. Jil.10: 83-95.
- Teuku Iskandar. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A. Razak. (2006). Kajian Sintaksis Bahasa Melayu: Pendekatan Minimalis. *Jurnal Persatuan Linguistik*. Volume 7: 53-64.
- Zaliza Mohamad Nasir, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normahdiah Sheikh Said dan Norizan Che Su. (2013). Penguasaan Tatabahsa Melayu dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Linguistik*. Vol. 17 (2): 84-90.